

## PEKELILING JABATAN PENDAFTAR

BILANGAN 1 TAHUN 2019

---

### PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK STAF UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1440 HIJRAH

---

[Telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-87

(Bil. 3/2013) pada 19 Julai 2013]

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Staf Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berhubung pindaan waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan **1440** Hijrah.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

Pekeliling ini adalah untuk meminda waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan setiap tahun bagi tujuan memberi peluang kepada semua staf membuat persediaan untuk berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan **1440** Hijrah.

#### 3.0 PELAKSANAAN

Pindaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 3.1 Pindaan waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan **1440** Hijrah sahaja.
- 3.2 Waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejaskan jumlah waktu bekerja iaitu **40 jam** seminggu seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

- 3.3 Mana-mana Ketua Jabatan adalah dibenarkan untuk mengarahkan staf masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini sekiranya terdapat keperluan mendesak.
- 3.4 **Ketua Jabatan** haruslah memastikan semua staf di Jabatan/PTj masing-masing **mematuhi** dan **menepati waktu bekerja** sempena bulan Ramadhan **1440** Hijrah ini.
- 3.5 **Pegawai Pentadbiran** haruslah **memantau** kedatangan staf di Jabatan masing-masing agar operasi dan pengurusan berjalan dengan lancar dan tidak menjejaskan mutu perkhidmatan dalam tempoh pindaan waktu bekerja sempena bulan Ramadhan **1440** Hijrah ini.
- 3.6 Menurut Klausa 4.4.4, Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2018 berhubung **Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Mengandung** adalah **tidak terpakai**.
- 3.7 Jadual pindaan waktu bekerja adalah seperti berikut :

<b>Hari</b>	<b>Waktu Bekerja</b>	<b>Waktu Rehat</b>	<b>Waktu Bekerja</b>
Isnin - Khamis	8.00 pagi - 1.15 tengah hari	1.15 tengah hari - 2.00 petang	2.00 petang - 4.45 petang
Jumaat	8.00 pagi – 12.15 tengah hari	12.15 tengah hari - 2.30 petang	2.30 petang - 4.45 petang

#### **4.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari **1 Ramadhan 1440 Hijrah** sehingga hari terakhir bulan **Ramadhan 1440 Hijrah**.

## 5.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini dipanjangkan pemakaiannya kepada semua staf UniMAP.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
'Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan'

Saya yang menjalankan amanah,



**(HJ. MOHD SAAD BIN DIN)**  
Pendaftar

**17 April 2019**

s.k. : Naib Canselor  
Semua Timbalan Naib Canselor  
Bendahari  
Pustakawan  
Semua Ketua Jabatan/Dekan